

Yuran lebih rendah bagi rawatan dialisis

Dengan kadar sara hidup yang semakin meningkat, kami memahami kos rawatan dialisis boleh memberikan kesan kepada kewangan pesakit dan keluarga mereka.

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**

APABILA disahkan menghidap sakit buah pinggang, pesakit perlu menyediakan wang yang bukan sedikit untuk menampung kos rawatan dialisis yang mahal.

Bagi menghadapi masalah yang dihadapi pesakit, Yayasan Buah Pinggang Malaysia (NKF) mengumumkan kos rawatan dialisis yang lebih rendah bagi pesakit tanpa penaja dengan kos antara RM100 ke RM90 setiap kali rawatan.

Di bawah skim bayaran terbaru ini pesakit biasa di NKF akan mendapat penurunan yuran kepada RM90 bagi satu sesi, sementara pesakit yang menerima subsidi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan hanya membayar RM40 bagi satu sesi.

Bagaimanapun yuran berkenaan tidak melibatkan pesakit yang ditaja sepenuhnya oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau badan korporat lain.

Pengerusi NKF Malaysia, Datuk Dr. Zaki Morad berkata, penyakit buah pinggang kronik adalah penyakit sepanjang hayat dan boleh memberikan impaks negatif kepada kualiti hidup pesakit.

“Dengan kadar sara hidup yang semakin meningkat, kami memahami kos rawatan dialisis boleh memberikan kesan kepada kewangan pesakit dan keluarga mereka. Jadi NKF berharap dapat mengurangkan beban mereka dan impak penyakit dalam kehidupan mereka,” katanya dalam satu kenyataan.

NKF adalah badan bukan kerajaan yang berdedikasi membantu pesakit buah pinggang yang tidak mampu. Semuanya dana adalah daripada sumbangan ahli masyarakat dan sektor swasta.

Organisasi berkenaan membantu 1,600 pesakit setahun melalui program



NKF adalah badan bukan kerajaan yang berdedikasi membantu pesakit buah pinggang yang tidak mampu. Semuanya dana adalah daripada sumbangan ahli masyarakat dan sektor swasta.

dialisis dan bekerjasama dengan beberapa agensi untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit buah pinggang kronik melalui kempen kesedaran.

NKF juga menyediakan beberapa bentuk sokongan bagi pesakit buah pinggang termasuk Dana Kebajikan Pendidikan Kanak-Kanak yang menyokong perbelanjaan pelajaran kanak-kanak yang masih bersekolah serta keluarga mereka.

Penyakit buah pinggang berkaitan dengan fungsi buah pinggang untuk membuang sisa toksik daripada dalam badan. Jika tidak dirawat,

bahan sisa akan berkumpul sehingga sampai ke tahap toksik dan boleh membawa kepada kegagalan buah pinggang yang dikenali sebagai *end-stage renal disease* (ESRD).

Penyakit buah pinggang kronik peringkat terakhir ialah kehilangan fungsi buah pinggang boleh berbalik tetapi kecepatannya boleh dilambatkan melalui sesi dialisis berkala.

“Di NKF, kami percaya pesakit dialisis mempunyai hak yang sama untuk mendapat kehidupan yang berkualiti sama seperti mereka yang lain.

“Kami menyasarkan untuk menyediakan penjagaan yang holistik dan terbaik bagi memastikan pesakit menerima sokongan terbaik dalam aspek emosi psikologi dan kewangan,” tambah Dr. Zaki.



JIKA tidak dirawat, bahan sisa akan berkumpul sehingga sampai ke tahap toksik dan boleh membawa kepada kegagalan buah pinggang.



NKF ialah badan bukan kerajaan yang berdedikasi membantu pesakit buah pinggang yang tidak mampu.

